

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PENETAPAN ZON PENAMPAN BAGI PERMOHONAN TENEMEN  
MINERAL DAN PENOLAKAN RINGKAS (*SUMMARY REJECTION*) BAGI MANA-  
MANA PERMOHONAN TENEMEN MINERAL DI DALAM KAWASAN  
TAMAN NEGARA, KAWASAN TADAHAN AIR DAN TANAH KESULTANAN**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-26/2020 yang bersidang pada 16 Disember 2020 melalui Kertas Bil. 26/2020/D15(165) telah membuat keputusan meluluskan satu garis panduan bagi penetapan zon penampian.

2. Bagi tujuan pelaksanaan garis panduan penetapan zon penampian untuk permohonan tenemen mineral adalah tertakluk kepada perkara sebagaimana berikut :-
  - 2.1 Zon penampian bagi semua permohonan tenemen mineral hendaklah disediakan sekurang-kurangnya selebar 500 meter dari sempadan Taman Negara, kawasan yang mempunyai nilai sejarah, kawasan rekreasi, gua dan landasan keretapi;
  - 2.2 Zon penampian bagi sungai-sungai yang terlibat hendaklah menggunakan Pekeliling Pembangunan Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 1/2020 yang menyatakan bahawa zon penampian bagi sungai terlibat adalah selebar 150 meter di kiri dan kanan sungai tersebut;
3. Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan hendaklah membuat penolakan ringkas (*summary rejection*) bagi mana-mana permohonan tenemen mineral yang berada di dalam kawasan-kawasan sebagaimana berikut :-

- 3.1 Taman Negara, selaras dengan peruntukan Seksyen 10(1) Akta Taman Negara 1980 (Akta 226) dan Enakmen Taman Negara Kelantan No. 14 1938;
- 3.2 Kawasan tadahan air termasuk mana-mana kawasan hutan tadahan air yang diwartakan di bawah Seksyen 10(1)(e) Akta Perhutanan Negara 1984; dan
- 3.3 Tanah Kesultanan.
4. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa dengan serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeliling ini.



.....  
**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL** *D.P.S.K. (Kelantan), K.M.N*  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN**